



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

KENYATAAN PRA-BELANJAWAN DAN PORTAL CADANGAN BELANJAWAN 2026 PERKUKUH KETELUSAN DAN DEMOKRASI PENYERTAAN *Orang ramai dijemput kemukakan cadangan untuk Belanjawan 2026*

Perjalanan menuju ke Belanjawan MADANI Keempat yang bakal dibentangkan pada 10 Oktober 2025 telah bermula. Kementerian Kewangan hari ini mengeluarkan Kenyataan Pra-Belanjawan 2026 dan melancarkan Portal Cadangan Belanjawan 2026 sebagai langkah penyediaan belanjawan tahunan yang inklusif dan telus.

Ini menyusuli Majlis Libat Urus Belanjawan 2026 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, semalam (7 Ogos 2025).

“Berdepan ketidaktentuan global dan peningkatan persaingan, tumpuan Belanjawan 2026 terarah kepada penyampaian agenda ekonomi Malaysia jangka panjang di samping menangani cabaran jangka pendek bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan melindungi daya tahan ekonomi,” kata YAB Dato' Seri Anwar.

“Pada masa sama, usaha akan diambil bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat menerusi bantuan lebih bersasar berteraskan keberhasilan ke arah menambah baik kualiti hidup,” tambah beliau.

“Belanjawan 2026 merupakan belanjawan sulung yang mendukung matlamat Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Langkah-langkah yang dirancang akan disusun berasaskan tiga tonggak kerangka Ekonomi MADANI: untuk Menaikkan Siling potensi ekonomi negara, Menaikkan Lantai taraf hidup dan darjat rakyat, serta Memacu Pembaharuan dan Tatakelola Baik,” kata YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, di dalam ucapan pembukaan majlis tersebut.

Penerbitan Kenyataan Pra-Belanjawan 2026 adalah selaras dengan amalan standard global bagi menggalakkan wacana awam dan meningkatkan ketelusan dalam penyediaan belanjawan tahunan. Justeru, dokumen ini diterbitkan untuk menggariskan keutamaan Kerajaan bagi Belanjawan 2026 kepada rakyat, sebagai panduan dalam penyampaian input dan cadangan bagi penyediaan belanjawan.

Menaikkan Siling Potensi Ekonomi Negara

Untuk melonjakkan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, berdaya saing dan mampan berteraskan nilai kemanusiaan dan keadilan sosial, Belanjawan 2026 akan menumpukan usaha memecahkan kekangan struktur yang lama berakar — khususnya kebergantungan kepada model ekonomi kos rendah dan sederhana.

Dengan Ekonomi MADANI menetapkan aspirasi untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia, Belanjawan 2026 akan memberi tumpuan kepada transformasi asas perindustrian. Ini termasuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam rantai nilai global dan beralih kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti tinggi dan inovasi.

Menaikkan Lantai Taraf Hidup dan Darjat Rakyat

Belanjawan 2026 membina kesinambungan usaha terdahulu untuk mengangkat asas kehidupan rakyat dan memastikan pertumbuhan ekonomi memberi kesan langsung kepada kualiti hidup rakyat yang lebih baik.

Menjunjung prinsip ekonomi yang adil bagi memastikan keselamatan, maruah dan peluang saksama untuk semua, Belanjawan 2026 akan memberi tumpuan kepada akses sejagat kepada perkhidmatan asas, upah yang adil, perlindungan sosial kukuh dan peluang bagi setiap rakyat untuk maju ke hadapan.

Memacu Pembaharuan dan Tatakelola Baik

Aspirasi Belanjawan 2026 akan memacu reformasi sektor awam dalam memperkukuh tadbir urus, mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan menjamin kemampanan fiskal. Antaranya, memodenkan perkhidmatan awam, memperkenalkan kerangka dan perundangan yang meningkatkan prestasi perkhidmatan awam serta memperkukuh prinsip integriti dan tadbir urus beretika.

Reformasi ini disokong oleh komitmen untuk mengoptimumkan sumber awam, meminimumkan ketirisan dan memastikan bantuan disalurkan dengan lebih berkesan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Belanjawan 2026 Oleh Semua, Untuk Semua

Kerajaan MADANI mengangkat pendekatan demokrasi penyertaan dalam merangka Belanjawan 2026 agar limpahan kemakmuran negara dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.

Justeru, Majlis Libat Urus Belanjawan 2026 menghimpunkan hampir 300 peserta daripada pelbagai latar belakang, termasuk agensi Kerajaan, sektor swasta dan industri, akademik, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO), dan pertubuhan antarabangsa.

Antara topik utama yang diketengahkan termasuk: usaha meningkatkan akses kepada pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat; pemerkasaan ekonomi Bumiputera; pengukuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta industri tempatan; perlindungan pengguna dan pembeli rumah; serta pemuliharaan khazanah alam.

Majlis libat urus ini menjadi permulaan kepada siri mesyuarat kumpulan fokus yang lebih mendalam bagi memperhalusi input Belanjawan 2026. YAB Perdana Menteri telah mengarahkan agar semua kementerian juga melaksanakan sesi libat urus Belanjawan 2026 bersama pihak berkepentingan masing-masing bagi memastikan Belanjawan ini mencerminkan harapan dan aspirasi semua lapisan masyarakat.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan MADANI untuk memperkukuh penyertaan rakyat dalam proses merangka belanjawan negara, orang ramai dijemput untuk mengemukakan cadangan melalui Portal Cadangan Belanjawan 2026 di www.belanjawan.mof.gov.my sehingga 3 Oktober 2025.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

8 Ogos 2025